



KETUA SETIAUSAHA  
*SECRETARY GENERAL*  
Kementerian Pengajian Tinggi  
*Ministry of Higher Education*  
Aras 17, No. 2, Menara 2, Jalan P5/6  
Presint 5, 62200 PUTRAJAYA

Tel : 03-8870 5051  
Faks : 03-8870 6806  
Laman Web : [www.mohe.gov.my](http://www.mohe.gov.my)

Rujukan kami : JPT(A)1000/001/019/01 JLD.20 (67)  
Tarikh : 3 Jun 2020

## SEPERTI SENARAI EDARAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof.,

### **PENGENDALIAN AKTIVITI AKADEMIK DI KAMPUS INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT) SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof. sedia maklum, kerajaan telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) serta pembukaan pelbagai sektor ekonomi dan sektor awam bermula 4 Mei 2020, namun sektor pendidikan termasuk Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) kekal ditutup dalam tempoh tersebut.

3. Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) telah mengeluarkan satu kenyataan media berhubung Pengendalian Aktiviti Akademik di Kampus Institusi Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan pada 27 Mei 2020. Dalam kenyataan tersebut, KPT ingin memaklumkan bahawa semua aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) hendaklah dilaksanakan **secara dalam talian sehingga 31 Disember 2020. Semua aktiviti PdP secara bersemuka adalah tidak dibenarkan kecuali** bagi beberapa kategori pelajar yang telah diberi pengecualian.

4. Sukacita diingatkan bahawa KPT hanya membenarkan lima (5) kategori pelajar berkeperluan untuk **pulang secara berperingkat** bagi melaksanakan PdP di kampus. Namun demikian, kaedah pelaksanaan PdP bagi setiap kategori pelajar di dalam kampus adalah tertakluk kepada ketetapan yang diperincikan di **Lampiran 1**. Sehubungan itu, semua IPT diminta untuk memastikan agar **hanya pelajar yang memenuhi keperluan** bagi setiap kategori yang diluluskan sahaja yang dibenarkan pulang ke kampus. Bagi tujuan ini, IPT dikehendaki **mengenal pasti pelajar yang layak dan mengeluarkan surat** kepada setiap pelajar berkenaan sebelum pelajar melakukan pergerakan.

5. Berhubung dengan keputusan ini, pendaftaran pelajar baharu Sesi Akademik 2020/2021 di IPT perlu dilaksanakan **secara dalam talian** bagi mengelakkan pergerakan pelajar ke kampus secara serentak dan PdP masih perlu dijalankan secara dalam talian walaupun pelajar telah berada di kampus. Namun, bagi aktiviti akademik yang memerlukan latihan praktikal dan peralatan khusus, pelajar baharu boleh melaksanakan PdP secara bersemuka **mengikut SOP yang telah ditetapkan**.

6. Selain itu, KPT juga menggalakkan kemasukan pelajar baharu antarabangsa ke IPT melalui kaedah pendaftaran secara dalam talian tanpa keberadaan pelajar secara fizikal di Malaysia. Walau bagaimanapun, bagi pelajar antarabangsa yang telah berada di dalam Negara, pelajar boleh mengikuti kaedah pendaftaran dan PdP sebagaimana pelajar tempatan.


7. Bagi mencegah risiko penularan wabak COVID-19 di IPT, KPT mengarahkan pelaksanaan aktiviti akademik di kampus dijalankan dengan **mematuhi sepenuhnya Prosedur Operasi Standard (SOP)** yang ditetapkan dan mengutamakan langkah keselamatan serta penjarakan sosial. Pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof. adalah bertanggung jawab memastikan **kepatuhan SOP** yang ditetapkan oleh Kementerian ini.

8. Bersama-sama ini dilampirkan SOP Pengurusan Operasi Institusi Pendidikan Tinggi Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak COVID-19 (**Lampiran 2**) yang telah disediakan oleh Kementerian ini untuk rujukan dan panduan pelaksanaan oleh setiap institusi.

9. Selaras dengan itu, KPT berharap agar YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof. dapat membuat perancangan yang teliti dan mengambil tindakan susulan yang sewajarnya di institusi masing-masing. Namun demikian, penetapan berhubung perkara ini adalah masih **tertakluk kepada arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa**.


10. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof. terhadap perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.



**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(DATUK SERI DR. MAZLAN YUSOFF)**

s.k. :

Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi  
Jabatan Pendidikan Tinggi

Ketua Pengarah  
Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti

## **SENARAI EDARAN**

### **YBHG. DATUK IR. ABDUL RAHIM HASHIM**

Pejabat Naib Canselor  
Bangunan Naib Canselor  
Universiti Malaya  
**50603 KUALA LUMPUR**  
No. Tel. : 03-7967 3213  
No. Faks. : 03-7954 7551

### **YBRS. PROF. DR. FAISAL RAFIQ MAHAMD ADIKAN**

Naib Canselor  
Universiti Sains Malaysia  
Aras 6, Bangunan Canselori  
**11800 PULAU PINANG**  
No. Tel. : 04-653 3101  
No. Faks. : 04-656 5401

### **YBHG. DATO' PROF. IR. DR. MOHD HAMDY ABDUL SHUKOR**

Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Aras 6, Bangunan Canselori  
43600 Bangi, **SELANGOR**  
No. Tel. : 03-8921 5001  
No. Faks. : 03-8921 4242

### **YBHG. DATIN PADUKA SETIA DATO' DR. AINI IDERIS**

Naib Canselor  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang  
**SELANGOR**  
No. Tel. : 03-9769 6001 / 6002  
No. Faks. : 03-97692016

### **YBHG. DATUK PROF. IR. DR. WAHID BIN OMAR**

Naib Canselor  
Universiti Teknologi Malaysia  
Bangunan Canselori Sultan Ibrahim  
81310 UTM Johor Bahru  
**JOHOR**  
No. Tel. : 07-5530001 / 07-557 5960  
No. Faks. : 07-557 9376

**YBHG. TAN SRI DATO' PROF. EMERITUS DZULKIFLI ABDUL RAZAK**

Rektor  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Aras 4, Bangunan Rektor  
Kampus Gombak  
**53100 SELANGOR**

No. Tel. : 03-6421 4002  
No. Faks. : 03-6196 4858 / 6196 4005

**YBHG. DATO' PROF. DR. AHMAD BASHAWIR BIN HJ.ABDUL GHANI**

Naib Canselor  
Universiti Utara Malaysia  
Aras 5, Bangunan Canselori  
06010 Sintok

**KEDAH**

No. Tel. : 04-928 3001  
No. Faks. : 04-928 3005

**YBHG. DATUK PROF. DR. MOHAMAD KADIM BIN SUAIDI**

Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sarawak  
Penthouse, Bangunan CAUH Kampus Barat  
94300 Kota Samarahan

**SARAWAK**

No. Tel. : 082-58 1112 / 1047  
No. Faks. : 082-66 5111

**YBHG. DATUK PROF. DR. TAUFIQ YAP YUN HIN**

Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sabah  
Aras 6, Bangunan Canselori, Blok Selatan  
Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu

**SABAH**

No. Tel. : 088-32 0203  
No. Faks. : 088-32 0217

**YBHG. DATO' PROF. DR. MOHAMAD SHATAR BIN SABRAN**

Naib Canselor  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim

**PERAK**

No. Tel. : 05-459 6200 /6546  
No. Faks. : 05-458 2773

**YBRS. PROF. DR. MOHAMED RIDZA BIN WAHIDDIN**

Naib Canselor  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai

**NEGERI SEMBILAN**

No. Tel. : 06-798 8013  
No. Faks. : 06-794 1143

**YBHG. DATUK PROF. EMERITUS IR. DR. MOHD AZRAAI BIN KASSIM**

Naib Canselor  
Aras 6, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam

**SELANGOR**

No. Tel. : 03-5544 2222  
No. Faks. : 03-5544 2030

**YBHG. DATO' PROF. DR. NOR AIENI BINTI MOKHTAR**

Naib Canselor  
Universiti Malaysia Terengganu  
21030 Kuala Terengganu

**TERENGGANU**

No. Tel. : 09-668 4102  
No. Faks. : 09-669 7418

**YBHG. DATUK PROF. TS. DR. WAHID BIN RAZZALY**

Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja  
Batu Pahat

**JOHOR**

No. Tel. : 07-453 7005  
No. Faks. : 07-453 6010

**YBHG. DATUK WIRA PROF. DR. RAHA ABDUL RAHIM**

Naib Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal

**MELAKA**

No. Tel. : 06-270 1011  
No. Faks. : 06-270 1021

**YBRS. PROF. IR. DR. WAN AZHAR WAN YUSOFF**

Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Aras 3, Canseleri Tun Abdul Razak  
26600 Pekan

**PAHANG**

No. Tel. : 09-424 5002 / 5060  
No. Faks. : 09-424 5555

**YBRS. PROF. IR. TS. DR. R. BADLISHAH AHMAD**

Naib Canselor  
Universiti Malaysia Perlis  
Tingkat 11, Bangunan KWSP  
Jalan Bukit Lagi, 01000 Kangar

**PERLIS**

No. Tel. : 04-979 8000  
No. Faks. : 04-977 8011 / 04-977 8422

**YBHG. DATO' PROF. DR. HASSAN BASRI AWANG MAT DAHAN**

Naib Canselor  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu

**TERENGGANU**

No. Tel. : 09-668 8890/8891  
No. Faks. : 09-668 7887

**YBHG. DATO' PROF. TS. DR. NOOR AZIZI ISMAIL**

Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan  
Kampus Bachok, 16300 Bachok

**KELANTAN**

Tel : 09-779 7700  
Faks : 09-779 7012

**YBHG. LT JEN DATUK HAJI ABDUL HALIM BIN HAJI JALAL**

Naib Canselor

Universiti Pertahanan Nasional Malaysia

57000 Kem Sungai Besi

**KUALA LUMPUR**

No. Tel. : 03-9051 3457

No. Faks. : 03-9057 4361



PENGENDALIAN AKTIVITI AKADEMIK DI KAMPUS INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI (IPT)  
SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

LAMPIRAN 1

**KATEGORI PELAJAR BERKEPERLUAN YANG DIBENARKAN PULANG  
KE KAMPUS SECARA BERPERINGKAT BAGI MELAKSANAKAN PDP  
SEMASA DAN PASCA PKP**

(Dokumen ini hendaklah dibaca bersekali Kenyataan Media Kementerian Pengajian Tinggi  
bertarikh 27 Mei 2020 berhubung Pengendalian Aktiviti Akademik di Kampus Institusi  
Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan dan SOP KPT)

KATEGORI PELAJAR	PERINCIAN
<b>Kategori 1</b> Pelajar Pasca-Siswazah Mod Penyelidikan yang Berkeperluan	Kategori Pelajar: <b>Pelajar Pasca-Siswazah mod penyelidikan sahaja</b>  Tarikh dibenarkan pulang ke kampus: <b>Serta merta</b>  Kaedah PdP dibenarkan: <b>Bersemuka dengan penggunaan makmal, bengkel, studio rekabentuk atau peralatan khusus penyelidikan</b>  Institusi: <b>UA dan IPTS</b>
<b>Kategori 2</b> Pelajar Semester/ Tahun Akhir Bagi Pengajian di Peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang Memerlukan Praktikal dan Peralatan Khas	Kategori Pelajar:  <b>Pelajar Semester/Tahun Akhir sahaja; Peringkat Sijil, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda; Pelajar dari program yang memerlukan kaedah dan peralatan khusus mengikut keperluan Badan Profesional.</b>  Tarikh dibenarkan pulang ke kampus: <b>Seawal 1 Julai 2020;</b>  Kaedah PdP dibenarkan: <b>Bersemuka dengan melaksanakan kerja-kerja praktikal, klinikal, makmal, bengkel, studio rekabentuk atau memerlukan peralatan khusus;</b>  Institusi: <b>UA dan IPTS</b>

KATEGORI PELAJAR	PERINCIAN	
<b>Kategori 3</b> Pelajar Semester/ Tahun Akhir yang Tidak Mempunyai Akses yang Diperlukan dan Persekitaran Tidak Kondusif bagi Melaksanakan PdP dalam Talian	Kategori Pelajar: <b>Pelajar yang dikenalpasti tidak mempunyai akses yang diperlukan dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian</b>  Tarikh dibenarkan pulang ke kampus: <b>Seawal 1 Julai 2020 bagi pelajar UA dan IPTS</b> <b>Seawal 1 Ogos 2020 bagi pelajar Politeknik dan Kolej Komuniti</b>  Kaedah PdP : <b>Secara dalam talian menggunakan infrastruktur di kampus</b>	
<b>Kategori 4:</b> Pelajar Berkeperluan Khas	Kategori Pelajar: <b>Pelajar berkeperluan khas (OKU) program TVET di Politeknik dan Kolej Komuniti</b>  Tarikh dibenarkan pulang ke kampus: <b>Seawal 1 Ogos 2020</b>  Kaedah PdP dibenarkan : <b>Secara bersemuka</b>	
<b>Kategori 5:</b> Pelajar Baharu Peringkat Sijil, Asasi, Diploma dan Ijazah bagi Sesi Akademik 2020/2021	Kategori Pelajar Baharu	Tarikh Kemasukan
	a. <b>Sijil/ Diploma Politeknik dan Kolej Komuniti</b>	<b>Seawal 1 Julai 2020</b>
	b. <b>Asasi/ Sijil/ Diploma/ Ijazah Sarjana Muda di IPTS</b>	<b>Seawal 1 Julai 2020</b>
	c. <b>Asasi/ Diploma di UA</b>	<b>Seawal 1 Ogos 2020</b>
	d. <b>Ijazah Sarjana Muda di UA</b>	<b>Seawal 1 Oktober 2020</b>
	e. <b>Pasca Siswazah (Mod Penyelidikan)</b>	<b>Seawal 1 Oktober 2020</b>
	Kaedah dibenarkan : i. <b>Pendaftaran pelajar secara dalam talian; dan</b> ii. <b>PdP secara dalam talian kecuali bagi aktiviti makmal, bengkel, studio atau yang memerlukan peralatan khusus.</b>	



**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**JPT** | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA

**KOLEJ KOMUNITI**  
MALAYSIA

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) PENGURUSAN OPERASI  
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SEMASA DAN PASCA PERINTAH  
KAWALAN PERGERAKAN (PKP) WABAK COVID-19**

## KANDUNGAN

TUJUAN .....	1
LATAR BELAKANG .....	1
PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PIHAK YANG BERKAITAN.....	2
PELAKSANAAN NORMA BAHARU .....	2
ARAHAN 1: PENGOPERASIAN PEJABAT .....	3
ARAHAN 2: KESELAMATAN.....	3
Pengurusan Bilik Gerakan .....	3
Pengurusan Kehadiran Warga IPT dan Pelawat .....	4
Pengurusan Perpustakaan/ Bilik Kuliah/ Makmal/ Bengkel .....	5
Pengurusan Kes COVID-19.....	6
ARAHAN 3: PENGURUSAN OPERASI PERNIAGAAN .....	7
Pengurusan Kafeteria IPT .....	7
Pengurusan Kedai Buku/ Runcit/ Bank/ Farmasi IPT .....	7
ARAHAN 4: PENGURUSAN MESYUARAT .....	8
Mesyuarat Bersemuka .....	8
Mesyuarat Secara Dalam Talian.....	9
ARAHAN 5: PELAKSANAAN PROGRAM .....	9
Penganjuran Majlis Konvokesyen/ Persidangan/ Seminar .....	9
Pengurusan Kursus Bagi Staf IPT .....	10
ARAHAN 6: PENGENDALIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN .....	10
ARAHAN 7: PENGURUSAN PELAJAR.....	12
Pengurusan Pelajar Tempatan .....	12
Pengurusan Pelajar Antarabangsa .....	13
Pengurusan Kediaman Pelajar .....	14
Pengurusan Aktiviti Pelajar .....	14
ARAHAN 8: PENGENDALIAN PENYELIDIKAN.....	15
Aktiviti Penyelidikan di Dalam Makmal .....	15
Aktiviti Penyeliaan, Perbincangan dan Persidangan/ Seminar.....	16
Aktiviti Pengumpulan Data Penyelidikan .....	16
PENAMBAHBAIKAN TERHADAP SOP.....	17
TARIKH KUAT KUASA .....	17

LAMPIRAN 1 .....	18
PENGENALAN .....	19
OBJEKTIF .....	19
PROSEDUR ASAS PELAKSANAAN PDP SECARA BERSEMUKA SEMASA DAN PASCA PKP .....	19
PENUTUP .....	22
LAMPIRAN 2 .....	23
PENGENALAN .....	24
OBJEKTIF .....	24
KATEGORI PELAJAR YANG DIBERI KEBENARAN .....	24
PROSEDUR KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS .....	25
PENUTUP .....	26

## **TUJUAN**

1. Prosedur Operasi Standard (SOP) ini bertujuan untuk menjelaskan pelaksanaan pengurusan operasi bagi Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan Pasca PKP akibat penularan wabak COVID-19. Di dalam konteks ini, IPT merujuk kepada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti.

## **LATAR BELAKANG**

2. Semenjak Januari 2020, penularan wabak COVID-19 yang diisytiharkan oleh *World Health Organisation* (WHO) sebagai pandemik telah menimbulkan kebimbangan dalam kalangan rakyat termasuk warga IPT. Situasi penularan wabak tersebut agak membimbangkan dengan peningkatan kes baharu yang mendadak semenjak awal bulan Mac 2020. Selaras dengan itu, Kerajaan Malaysia melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa pertama bermula pada 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 dan seterusnya hingga fasa ke empat pada 15 April 2020 hingga 12 Mei 2020. Sebagai respon strategik KPT dalam menjayakan aspirasi penguatkuasaan PKP ini, semua IPT telah diarahkan untuk menangguhkan operasi pentadbiran dan aktiviti akademik masing-masing. IPT telah diminta untuk membuat penjadualan semula kalendar akademik 2020 dan meneruskan PdP secara dalam talian.

3. Pada 1 Mei 2020 pula, YAB Perdana Menteri telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan pembukaan sektor-sektor ekonomi termasuk sektor kerajaan bermula 4 Mei 2020. Walau bagaimanapun, sektor pendidikan tinggi kekal ditutup sehingga ke suatu tarikh yang akan dimaklumkan kelak kecuali operasi pentadbiran IPT selaras dengan arahan pentadbiran Ketua Setiausaha Bil.1/2020.

4. Pada 16 Mei 2020, KPT telah membentangkan kertas cadangan Pengendalian Aktiviti Akademik di Kampus IPT Semasa dan Pasca PKP di Mesyuarat Khas Menteri-menteri mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan MKN. Cadangan

tersebut telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan bagi kategori pelajar tertentu untuk berada di kampus.

## **PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PIHAK YANG BERKAITAN**

5. Peranan dan tanggungjawab semua pihak dalam memastikan SOP ini difahami dan dilaksanakan adalah sangat penting. Peranan dan tanggungjawab pihak yang terlibat adalah seperti berikut:

- i. KPT, Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT), dan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) perlu memainkan peranan dalam memantau pelaksanaan SOP dan memastikan ianya dipatuhi sepenuhnya oleh semua IPT;
- ii. IPT bertanggungjawab dalam memastikan semua SOP yang digariskan dilaksanakan sepenuhnya. Di samping itu, pemantauan perlu dilakukan untuk memastikan semua staf dan pelajar mematuhi SOP yang dikeluarkan;
- iii. Warga IPT sama ada staf atau pelajar perlu memahami dan mematuhi sepenuhnya SOP yang telah digariskan; dan
- iv. Pelawat ke IPT perlu mematuhi sepenuhnya SOP yang telah ditetapkan.

## **PELAKSANAAN NORMA BAHARU**

6. Semua IPT perlu mengamalkan norma baharu apabila meneruskan operasi semasa dan pasca PKP kerana penularan wabak COVID-19 masih belum dapat ditangani sepenuhnya. Antara norma baharu yang perlu diberi perhatian apabila melaksanakan sesuatu aktiviti ialah:

- i. Pemeriksaan suhu badan, saringan gejala, kebersihan tangan menggunakan sabun atau *hand sanitizer* bagi sesuatu aktiviti;
- ii. Pemakaian pelitup muka (*face mask*) adalah digalakkan pada setiap masa dan diwajibkan dalam keadaan tertentu;

- iii. Penjarakan sosial (*social distancing*) sekurang-kurangnya 1 meter bagi setiap aktiviti; dan
- iv. Pembersihan dan nyah kuman di semua tempat aktiviti dibuat secara berkala.

7. Bagi memastikan norma baharu pengurusan operasi IPT difahami dan diamalkan oleh semua IPT, KPT telah menyediakan **SOP Pengurusan Operasi Institusi Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Wabak COVID-19** yang melibatkan aspek pengoperasian pejabat; keselamatan; pengurusan operasi perniagaan; pengurusan mesyuarat; pelaksanaan program; pengendalian pengajaran dan pembelajaran; pengurusan pelajar; serta pengendalian penyelidikan. Semua IPT perlu sentiasa mematuhi SOP ini di samping setiap arahan dan panduan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan dari semasa ke semasa.

#### **ARAHAN 1: PENGOPERASIAN PEJABAT**

8. Dari aspek pengurusan dan pengoperasian pejabat, semua IPT boleh merujuk Arahan Pentadbiran Ketua Setiausaha Bilangan 1 Tahun 2020 berkenaan Garis Panduan Pengoperasian Pejabat Bagi Pegawai Kementerian Pengajian Tinggi Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat yang telah dikeluarkan oleh KPT. Arahan tersebut juga perlu dibaca bersama dengan arahan atau peraturan lain yang dikeluarkan oleh pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

#### **ARAHAN 2: KESELAMATAN**

##### **Pengurusan Bilik Gerakan**

9. Semua IPT perlu meneruskan operasi Bilik Gerakan COVID-19 di institusi masing-masing dan sentiasa memastikan pegawai bertanggungjawab bersedia bersedia. Semua Bilik Gerakan yang beroperasi perlu memastikan perkara-perkara berikut:

- i. Membuat pemantauan terhadap penularan wabak COVID-19 di IPT;



- ii. IPT bertanggungjawab memantau dan merekodkan status kesihatan warga masing-masing;
- iii. Semua data dan maklumat berkenaan pemantauan wabak COVID-19 di IPT perlu dikumpulkan oleh Bilik Gerakan COVID IPT dan **melaporkannya kepada Bilik Gerakan COVID-19 KPT pada jam 5.00 petang setiap hari**; dan
- iv. Pihak pengurusan Bilik Gerakan COVID-19 perlu sentiasa mengingatkan warga IPT untuk mengamalkan langkah keselamatan termasuklah pemeriksaan suhu badan, penggunaan sabun atau pensanitasi tangan secara kerap, pemakaian pelitup muka dan mengamalkan penjarakan sosial.

#### **Pengurusan Kehadiran Warga IPT dan Pelawat**

10. Kehadiran warga dan pelawat ke dalam kampus perlu dipantau dengan teliti oleh semua IPT. IPT bertanggungjawab untuk memastikan perkara-perkara berikut dilaksanakan:
  - i. Warga IPT dan pelawat yang berada dalam status *Person Under Investigation (PUI)* dan warga yang diarahkan untuk menjalani *self-quarantine* di rumah oleh pihak klinik kesihatan atau hospital adalah **tidak dibenarkan** sama sekali memasuki kampus;
  - ii. Kemasukan ke dalam kampus hanya dihadkan melalui pintu masuk terkawal yang telah ditetapkan sahaja bagi memudahkan pemantauan dilakukan;
  - iii. Setiap warga IPT dan pelawat yang memasuki kampus perlu **mendaftarkan diri dan melakukan pemeriksaan suhu badan dan gejala** di pos kawalan keselamatan atau pusat tanggungjawab masing-masing; dan
  - iv. Jika terdapat warga dan pelawat yang suhu badannya melebihi 37.5°C atau gejala batuk, selsema, sakit tekak atau susah nafas semasa disaring, mereka **tidak dibenarkan** memasuki kawasan kampus.

11. Di samping pemantauan dilakukan di pintu masuk utama, pemantauan kehadiran warga juga dilakukan di setiap pejabat dan fakulti. IPT bertanggungjawab untuk memastikan perkara-perkara berikut dilaksanakan:

- i. Setiap pejabat dan fakulti perlu dibekalkan dengan satu (1) unit pengukur suhu badan (*Hand held Infrared Digital Thermometer*);
- ii. Pihak Pengurusan pejabat dan fakulti perlu mengambil suhu badan setiap warga mereka pada setiap pagi di pintu masuk dan merekodkan maklumat tersebut;
- iii. Sekiranya terdapat staf pejabat/fakulti yang suhu badannya melebihi 37.5°C atau gejala batuk, selsema, sakit tekak atau susah nafas semasa disaring, staf tersebut **tidak dibenarkan** untuk masuk ke pejabat dan dinasihatkan untuk pulang dan mendapatkan rawatan di Klinik atau Hospital;
- iv. Staf **tidak dibenarkan** membawa ahli keluarga ke ruang pejabat semasa dan pasca PKP bagi mengelakkan pertambahan kluster wabak jangkitan;
- v. Memastikan petugas yang berurusan dengan orang ramai seperti di kaunter perkhidmatan mengambil langkah-langkah pencegahan (jarak 1 meter) dan sentiasa memakai pelitup muka sepanjang bertugas; dan
- vi. Memastikan jarak di antara staf di pejabat/fakulti sentiasa terkawal semasa melaksanakan tugas.

#### **Pengurusan Perpustakaan/ Bilik Kuliah/ Makmal/ Bengkel**

12. Pemantauan terhadap kebersihan dan tahap keselamatan perpustakaan, bilik kuliah, makmal dan bengkel perlu dilakukan secara berterusan dari masa ke semasa. Oleh itu, IPT perlu memastikan perkara-perkara berikut dilaksanakan oleh semua pihak yang berkenaan:

- i. Menyediakan *hand sanitizer* di kaunter / pintu masuk perpustakaan, bilik kuliah, makmal dan bengkel masing-masing bagi kegunaan guna sama;
- ii. Memastikan staf dan pelajar yang berada dalam perpustakaan, bilik kuliah, makmal dan bengkel mengambil langkah-langkah pencegahan dengan memastikan mereka mematuhi arahan penjarakan sosial ( jarak 1 meter);
- iii. Memastikan satu daftar nama pengguna yang menggunakan kemudahan perpustakaan, bilik kuliah, makmal dan bengkel disediakan; dan
- iv. Memastikan kerja-kerja disinfeksi di semua lokasi IPT dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan termasuklah pada peralatan dikategorikan sebagai sering disentuh dengan menggunakan bahan yang telah disarankan oleh pihak kerajaan.

### **Pengurusan Kes COVID-19**

13. Pihak pengurusan IPT perlu melaporkan semua kes yang disyaki atau positif COVID-19 yang telah disahkan oleh KKM kepada pihak KPT dengan kadar segera dan pada masa yang sama memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:

- i. Memastikan identiti dan maklumat pegawai dan pelajar yang disyaki atau positif COVID-19 dirahsiakan;
- ii. Bekerjasama dengan KKM dengan kadar segera bagi mengenal pasti kontak rapat dan lokasi yang berkaitan dengan pegawai atau pelajar yang positif COVID-19 bagi tempoh 14 hari sebelum disahkan positif;
- iii. Semua kontak rapat yang dikenal pasti dikehendaki menjalani proses kuarantin selama 14 hari dan seterusnya menjalani saringan COVID-19 jika mempunyai simptom yang berkaitan;
- iv. Semua aktiviti PdP berkaitan dengan pegawai dan pelajar yang disyaki atau positif COVID-19 perlu **ditangguhkan serta merta**; dan

- v. Lokasi yang berkaitan harus ditutup dan dilakukan proses disinfeksi dengan nasihat dari KKM.

### **ARAHAN 3: PENGURUSAN OPERASI PERNIAGAAN**

#### **Pengurusan Kafeteria IPT**

14. Pengurusan kafeteria ini terpakai kepada semua kafeteria, kantin dan *kiosk* jualan yang berada di dalam kawasan IPT. IPT perlu memastikan pengurusan kafeteria mematuhi semua arahan kesihatan dan keselamatan yang dikeluarkan oleh kerajaan. Perkara-perkara berikut perlu dipatuhi oleh pengurusan kafeteria:

- i. Memastikan aktiviti jual beli, *dine in* atau *eat in* adalah teratur dan penjarakan sosial diamalkan;
- ii. Meletakkan penanda jarak sosial di lantai, meja dan tempat duduk bagi memastikan penjarakan sosial dipatuhi; dan
- iii. Menyediakan sabun atau *hand sanitizer* yang mencukupi.

#### **Pengurusan Kedai Buku/ Runcit/ Bank/ Farmasi IPT**

15. Semua operasi kedai buku, kedai runcit, bank dan farmasi di dalam institusi boleh diteruskan seperti biasa. Walau bagaimanapun, IPT perlu memastikan pengurusan kedai mematuhi semua arahan kesihatan dan keselamatan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Pengurusan kedai yang beroperasi perlu mematuhi perkara-perkara berikut:

- i. Memastikan aktiviti jual beli adalah mengikut tatacara kawalan dan syarat perniagaan yang digariskan pihak berkuasa;
- ii. Menyediakan sabun atau *hand sanitizer* yang mencukupi; dan

- iii. Digalakkan menawarkan khidmat pembantu pembeli peribadi (*personal shopper*) kepada pengguna bagi menghadkan pergerakan keluar masuk kedai dan memudahkan urusan pembelian.

#### **ARAHAN 4: PENGURUSAN MESYUARAT**

##### **Mesyuarat Bersemuka**

16. IPT boleh melaksanakan mesyuarat secara bersemuka dengan mematuhi semua syarat dan keperluan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Oleh itu, IPT perlu memastikan semua urusan mesyuarat bersemuka melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i. Memastikan penjarakan sosial dipatuhi dengan menyusun kedudukan kerusi mesyuarat mengikut jarak yang selamat (1 meter di antara kerusi yang lain);
- ii. Membuat saringan suhu kepada ahli mesyuarat sebelum membenarkan ahli mesyuarat masuk ke bilik mesyuarat. Sekiranya terdapat ahli mesyuarat yang suhu badannya melebihi 37.5°C semasa disaring, beliau **tidak dibenarkan** untuk masuk ke bilik mesyuarat dan dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan lanjut;
- iii. Memastikan *hand sanitizer* disediakan di ruang bilik mesyuarat untuk kegunaan ahli mesyuarat; dan
- iv. Membuat pembersihan dan disinfeksi ruang bilik mesyuarat sebelum dan selepas bilik mesyuarat digunakan.

## Mesyuarat Secara Dalam Talian

17. Walaupun mesyuarat secara bersemuka masih dibenarkan, tetapi semua IPT adalah digalakkan untuk melaksanakan mesyuarat secara dalam talian. Dalam hal ini, IPT perlu memastikan urus setia mesyuarat secara dalam talian melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i. Mengetahui pasti medium yang akan digunakan dalam mesyuarat secara dalam talian menerusi aplikasi seperti Webex, Zoom, Microsoft Teams, Google Meet atau Skype for Business;
- ii. Memastikan setiap ahli mesyuarat telah memuat turun atau mendapat akses aplikasi yang akan diguna pakai terlebih dahulu sebelum menyertai sebarang mesyuarat secara dalam talian;
- iii. Memastikan **tahap keselamatan maklumat** yang telah ditetapkan oleh kerajaan **dipatuhi sepenuhnya**. Setiap mesyuarat yang dijalankan perlu disediakan kata laluan dan dipanjangkan kepada ahli melalui e-mel supaya hanya ahli mesyuarat sahaja dibenarkan untuk menggunakannya; dan
- iv. Memastikan kerahsiaan sepanjang mesyuarat terpelihara.

## ARAHAN 5: PELAKSANAAN PROGRAM

### Penganjuran Majlis Konvokesyen/ Persidangan/ Seminar

18. **Penganjuran Majlis Konvokesyen ditangguhkan sehingga ke satu tarikh yang dibenarkan oleh pihak Kerajaan.** Pihak IPT diminta mengambil tindakan yang diperlukan supaya graduan dapat memperoleh transkrip dan ijazah mereka walaupun Majlis Konvokesyen ditangguhkan.

19. Semua persidangan atau seminar hendaklah **ditangguhkan** pelaksanaannya tertakluk arahan kerajaan dari semasa ke semasa. Sekiranya tidak dapat ditangguhkan, persidangan atau seminar boleh dilaksanakan **secara dalam talian**.

## **Pengurusan Kursus Bagi Staf IPT**

20. Semua IPT adalah digalakkan untuk mengendalikan kursus secara dalam talian untuk staf. Walau bagaimanapun, IPT masih boleh meneruskan pengendalian kursus kepada staf IPT secara bersemuka dengan syarat ianya mematuhi semua arahan dan keperluan yang telah ditetapkan oleh pihak kerajaan. Oleh itu, IPT perlu memastikan semua urusan kursus secara bersemuka melaksanakan perkara-perkara berikut:

- i. Penganjuran kursus adalah secara dalaman dan bilangan penyertaan adalah terhad;
- ii. Memastikan semua peserta disaring terlebih dahulu dan amalkan penjarakan sosial;
- iii. Memastikan *hand sanitizer* disediakan di ruang berkursus;
- iv. Membuat pembersihan dan disinfeksi ruang berkursus sebelum dan selepas digunakan; dan
- v. Makanan dan minuman peserta disajikan secara berbungkus.

## **ARAHAN 6: PENGENDALIAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

21. Semua aktiviti PdP **secara bersemuka** adalah **tidak dibenarkan** sehingga **31 Disember 2020** atau satu tarikh yang dimaklumkan oleh kerajaan. Semua aktiviti PdP perlu dilaksanakan secara dalam talian. IPT **perlu merancang dan mereka bentuk semula PdP** bagi disesuaikan dengan kaedah PdP dalam talian.

22. Walaupun kerajaan telah memutuskan bahawa pengendalian aktiviti akademik di kampus IPT adalah **tidak dibenarkan**, pengecualian diberikan bagi beberapa kategori pelajar tertentu seperti berikut:

- i. **Pelajar pasca-siswazah mod penyelidikan yang berkeperluan** di mana penyelidikan hanya dapat dijalankan dengan kehadiran secara fizikal ke makmal, bengkel, atau studio reka bentuk kerana memerlukan peralatan khusus;
- ii. **Pelajar semester/tahun akhir bagi pengajian di peringkat sijil, diploma dan ijazah sarjana muda yang memerlukan praktikal dan peralatan khas bagi melengkapkan pengajian untuk bergraduasi.** Mereka perlu melaksanakan kerja-kerja klinikal, latihan amal, makmal, bengkel, studio reka bentuk, praktikal atau yang memerlukan peralatan khusus mengikut keperluan badan profesional. Pelajar juga perlu pembelajaran bersemuka sebagai syarat akreditasi;
- iii. **Pelajar semester/tahun akhir yang tidak mempunyai akses yang diperlukan dan persekitaran tidak kondusif** bagi melaksanakan PdP dalam talian. Pelajar perlu melengkapkan pengajian untuk bergraduasi;
- iv. **Pelajar berkeperluan khas (OKU) yang mengikuti program TVET yang hanya boleh dijalankan secara bersemuka kerana masalah pembelajaran;** dan
- v. **Pelajar baharu bagi peringkat sijil, asasi, diploma, dan ijazah sarjana muda bagi sesi akademik 2020/2021.** Pelajar baharu dibenarkan kerana memerlukan pendedahan bagi membiasakan diri dengan ekosistem IPT. Pelajar akan mengikuti PdP secara dalam talian kecuali aktiviti makmal.

23. Bagi pelaksanaan aktiviti PdP secara bersemuka yang dibenarkan oleh kerajaan, IPT perlu memastikan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi melaksanakan aktiviti tersebut dipenuhi sepenuhnya. **SOP Pengendalian Pengajaran dan Pembelajaran khusus berkenaan perkara ini adalah seperti di Lampiran 1.**



## **ARAHAN 7: PENGURUSAN PELAJAR**

### **Pengurusan Pelajar Tempatan**

24. Berdasarkan keputusan kerajaan setakat ini, hanya pelajar dalam kategori berikut yang dibenarkan memasuki kampus dan mengikuti pengendalian aktiviti akademik di dalam kampus IPT mengikut tarikh yang ditetapkan:

- i. Pelajar pasca-siswazah mod penyelidikan yang berkeperluan **dibenarkan memasuki kampus seawal 17 Mei 2020;**
- ii. Pelajar Semester/Tahun akhir bagi pengajian di peringkat sijil, diploma dan ijazah sarjana muda yang memerlukan praktikal dan peralatan khas **dibenarkan memasuki kampus seawal 1 Julai 2020;**
- iii. Pelajar Semester/Tahun akhir yang tidak mempunyai akses yang diperlukan dan persekitaran tidak kondusif bagi melaksanakan PdP dalam talian **dibenarkan memasuki kampus IPT seawal 1 Julai 2020;**
- iv. Pelajar berkeperluan khas (OKU) yang mengikuti program TVET **dibenarkan memasuki kampus IPT seawal 1 Ogos 2020;** dan
- v. Pelajar baharu bagi peringkat sijil, asasi, diploma, dan ijazah sarjana muda bagi sesi akademik 2020/2021 **dibenarkan memasuki kampus IPT secara berperingkat seawal 1 Julai 2020.**

25. IPT perlu memastikan urusan kemasukan pelajar sedia ada dan pelajar baharu ke dalam kampus IPT dalam **keadaan terancang dan terkawal** selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. IPT juga perlu memastikan **SOP Pengurusan Kemasukan Pelajar Sedia Ada dan Pelajar Baharu ke Kampus seperti di Lampiran 2** dipatuhi sepenuhnya.

26. IPT juga hendaklah memastikan semua **urusan pendaftaran dan program orientasi pelajar tempatan baharu dibuat secara dalam talian.**

## Pengurusan Pelajar Antarabangsa

27. Semua urusan berkenaan pengurusan pelajar antarabangsa perlu mematuhi perkara-perkara berikut:

- i. IPT perlu sentiasa berhubung dengan pelajar antarabangsa dan memastikan semua arahan dan keperluan yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan dipatuhi oleh pelajar;
- ii. Pelajar antarabangsa yang ingin pulang ke negara asal hendaklah mematuhi prosedur yang telah ditetapkan menerusi **Surat Kebenaran Pergerakan Pelajar Warga Asing Untuk Pulang Ke Negara Asal yang telah dikeluarkan oleh KPT pada 15 April 2020**. IPT juga adalah disarankan untuk membantu memudahkan urusan kepulangan pelajar termasuk urusan berkaitan dengan pihak Jabatan Imigresen;
- iii. Semua pelajar antarabangsa yang telah kembali ke negara asal **tidak dibenarkan kembali ke IPT untuk meneruskan pengajian sehingga 31 Disember 2020 atau satu tarikh di mana sempadan negara dibuka untuk kemasukan warga asing**. Walau bagaimanapun, mereka masih boleh meneruskan pengajian secara dalam talian. Pihak IPT hendaklah memaklumkan kepada pelajar antarabangsa berkenaan syarat ini dan juga apa-apa perubahan berhubung perkara ini;
- iv. Semua program mobiliti secara bersemuka adalah **tidak dibenarkan sehingga 31 Disember 2020 atau satu tarikh yang ditetapkan mengikut arahan semasa**. Bagi pelajar antarabangsa yang mengikuti program mobiliti dan masih berada di dalam negara, **mereka dibenarkan untuk pulang** ke negara asal seperti mana yang telah disarankan oleh Kerajaan Malaysia menerusi **Surat Kebenaran Pergerakan Pelajar Warga Asing Untuk Pulang Ke Negara Asal yang telah dikeluarkan oleh KPT pada 15 April 2020**. IPT juga adalah disarankan untuk membantu memudahkan urusan kepulangan pelajar ini; dan

- v. Semua urusan berkaitan hal-hal keimigresenan perlu diselaraskan dengan Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Education Malaysia Global Services (EMGS).

28. Keputusan berkenaan tarikh pendaftaran baharu pelajar antarabangsa secara bersemuka masih dalam pertimbangan pihak kerajaan. Satu pemakluman berkenaan pendaftaran pelajar antarabangsa baharu secara bersemuka akan dikeluarkan oleh KPT untuk dijadikan panduan kepada semua IPT setelah kerajaan membuat keputusan mengenai perkara tersebut. **Namun demikian, pendaftaran pelajar antarabangsa secara dalam talian adalah dibenarkan.**

#### **Pengurusan Kediaman Pelajar**

29. IPT perlu memastikan **pemantauan secara berkala** dilakukan terhadap tahap kesihatan pelajar yang berada di kampus kediaman. Langkah-langkah pencegahan seperti pemeriksaan suhu badan, pemantauan gejala, kebersihan tangan dengan sabun atau *hand sanitizer*, pemakaian pelitup muka dan pengamalan penjarakan sosial perlu dilaksanakan di kediaman pelajar bagi memastikan keselamatan dan kesihatan pelajar terjaga.

#### **Pengurusan Aktiviti Pelajar**

30. IPT perlu memastikan semua aktiviti pelajar termasuk kelab, persatuan, sukan dan ko-kurikulum yang dilaksanakan secara bersemuka dan berkumpulan terutama yang melibatkan jumlah penyertaan yang ramai adalah **tidak dibenarkan** sehingga satu tarikh yang dimaklumkan oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, **aktiviti sukan secara individu yang mematuhi SOP Sektor Sukan dan Rekreasi yang dikeluarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan serta MKN adalah dibenarkan.** Di samping itu, pelaksanaan aktiviti pelajar yang dilakukan secara dalam talian adalah digalakkan.

## ARAHAN 8: PENGENDALIAN PENYELIDIKAN

### Aktiviti Penyelidikan di Dalam Makmal

31. Aktiviti penyelidikan dan PdP dalam makmal yang melibatkan kemudahan makmal dan peralatan khas secara bersemuka adalah **dibenarkan**. Walau bagaimanapun syarat-syarat dan peraturan yang telah ditetapkan bagi melaksanakan aktiviti tersebut perlu dipatuhi sepenuhnya. Panduan penyelidikan ini terpakai kepada semua yang terlibat dalam penyelidikan. Syarat-syarat dan peraturan adalah seperti berikut:

- i. Semua arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan serta *World Health Organisation* (WHO) mestilah dipatuhi;
- ii. Urusan di makmal penyelidikan hanya diutamakan bagi penyelidikan bersifat '*essential*' dan penting yang mempunyai keperluan kritikal dengan kebenaran Ketua Jabatan/Ketua Eksekutif sahaja;
- iii. Mengadakan kawalan bilangan staf dan pelajar yang berada dalam makmal pada sesuatu masa melalui sistem penggiliran selain pelaksanaan waktu anjal;
- iv. Menyediakan satu daftar nama pengguna dan no. telefon bimbit yang menggunakan kemudahan makmal;
- v. Menyediakan alat saringan suhu badan dan melaksanakan saringan bagi gejala berkaitan COVID-19. Penyelidik yang didapati tidak sihat adalah **tidak dibenarkan** untuk memasuki premis tersebut dan dinasihatkan untuk segera mendapatkan rawatan;
- vi. Menyediakan *hand sanitizer* di pintu masuk, ruang makmal/kerja dan semua kawasan umum (*common area*);
- vii. Pemakaian pelitup muka oleh setiap pekerja di ruang makmal dan semua kawasan umum adalah **diwajibkan** serta memastikan garis panduan

- penjarakan sosial seperti tanda jarak 1 meter di lantai, meja dan kerusi dilaksanakan di ruang makmal/kerja;
- viii. Melakukan pembersihan dan disinfeksi di permukaan yang mudah dicemari kuman seperti permukaan meja, tombol pintu, papan kekunci (*keyboard*), tetikus (*mouse*) dan lain-lain yang berkaitan **sekurang-kurangnya dua kali sehari**, iaitu sebelum aktiviti penyelidikan bermula dan selepas aktiviti penyelidikan tamat; dan
- ix. Bagi tugas yang melibatkan pelajar, penyelia perlu memastikan adanya keperluan kritikal, '*essential*' dan penting sebelum mengarahkan pelajar melaksanakan tugas di makmal.

#### **Aktiviti Penyeliaan, Perbincangan dan Persidangan/ Seminar**

32. IPT adalah disarankan agar melaksanakan semua aktiviti penyeliaan dan perbincangan bersama ahli penyelidik yang lain menggunakan platform dalam talian yang selamat dan terjamin dari segi kerahsiaan. **Penyelidik dan pelajar tidak dibenarkan** menghadiri persidangan/seminar secara bersemuka di dalam dan luar negara sehingga ke satu tarikh yang ditetapkan. Pembentangan secara dalam talian bagi mana-mana persidangan yang menyediakan kemudahan tersebut adalah dibenarkan.

#### **Aktiviti Pengumpulan Data Penyelidikan**

33. IPT adalah dinasihatkan **menangguhkan** semua aktiviti penyelidikan yang melibatkan **kerja lapangan di luar institusi** sehingga ke satu tarikh yang akan dimaklumkan kemudian. Bagaimanapun, sekiranya aktiviti penyelidikan tersebut dianggap penting yang mempunyai keperluan kritikal maka **kebenaran bertulis oleh Ketua Jabatan/Ketua Eksekutif diperlukan**.

34. Penyelidik **tidak dibenarkan** untuk menjalankan kutipan data/aktiviti lain yang seumpamanya di luar negara **sehingga satu tarikh yang ditetapkan oleh kerajaan**. Penyelidik boleh menggunakan alternatif lain yang sesuai seperti menjalankan kutipan

data secara dalam talian atau membuat kolaborasi dengan penyelidik luar negara bagi mendapatkan data dan sampel dari negara tersebut. IPT boleh membuat pengubahsuaian berkenaan tarikh penghantaran laporan penyelidikan disebabkan penangguhan aktiviti pengumpulan data.

### **PENAMBAHBAIKAN TERHADAP SOP**

35. Semua IPT boleh membuat penambahbaikan terhadap SOP ini mengikut kesesuaian tetapi **sebarang kelonggaran adalah tidak dibenarkan sama sekali.**

### **TARIKH KUAT KUASA**

36. SOP ini adalah berkuat kuasa mulai tarikh ianya dikeluarkan. Pelaksanaan SOP ini adalah khusus untuk pengoperasian IPT semasa dan pasca PKP. Pelaksanaan SOP ini adalah tertakluk kepada arahan kerajaan dari semasa ke semasa.

Kementerian Pengajian Tinggi

28 Mei 2020



**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**JPT** | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA

**KOLEJ KOMUNITI**  
MALAYSIA

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) SEMASA DAN PASCA  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) WABAK COVID-19**

**TAJUK:**

**PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (PdP) BERSEMUKA  
DI RUANG PEMBELAJARAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI**

## **PENGENALAN**

1. Prosedur Operasi Standard (SOP) ini bertujuan untuk menerangkan dengan lebih jelas akan langkah-langkah keselamatan dan pencegahan yang perlu diambil oleh Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) susulan penularan wabak COVID-19 untuk pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara bersemuka semasa dan pasca PKP di ruang pembelajaran seperti bilik / dewan kuliah, bilik tutorial, makmal, studio dan bengkel.

## **OBJEKTIF**

2. Dokumen ini bertujuan memastikan setiap langkah keselamatan yang diambil mematuhi garis panduan yang jelas agar setiap pelajar dapat mengikuti pembelajaran dalam suasana yang kondusif dan selamat seperti berikut :

- i. Memastikan pengurusan dan pelaksanaan PdP secara bersemuka di IPT mematuhi langkah keselamatan bagi mencegah penularan semula wabak COVID-19 sebagaimana yang digariskan oleh KKM dan Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO); dan
- ii. Memastikan pelaksanaan PdP secara bersemuka tercapai dengan optimum dalam keadaan semasa.

## **PROSEDUR ASAS PELAKSANAAN PDP SECARA BERSEMUKA SEMASA DAN PASCA PKP**

### **Kehadiran ke Kampus**

3. IPT perlu memastikan hanya kategori pelajar yang diluluskan oleh pihak Kerajaan seperti di perenggan 22 SOP ini sahaja yang dibenarkan untuk melaksanakan PdP di kampus. Pihak IPT perlu menguruskan kehadiran ke kampus seperti ketetapan di perenggan 10 SOP ini.



4. IPT perlu memastikan perkara berikut dipatuhi:
  - i. Pelajar dan kakitangan yang mempunyai simptom COVID-19 seperti batuk dan demam tidak dibenarkan untuk masuk ke kampus;
  - ii. Memastikan pelajar dan kakitangan hadir ke kampus secara berperingkat;
  - iii. Memastikan tenaga pengajar **diberi taklimat** berkenaan langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 oleh pihak pengurusan IPT yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas PdP bersemuka dijalankan; dan
  - iv. Memastikan tenaga pengajar **memberi taklimat** kepada pelajar yang hadir sebelum sesi PdP bermula berkenaan langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 yang perlu diambil sebelum, semasa dan selepas PdP bersemuka dijalankan.

#### **Langkah-langkah Keselamatan dan Pencegahan Ketika Sesi PdP Bersemuka Berlangsung**

5. Semua IPT perlu memastikan langkah-langkah keselamatan dan pencegahan telah diambil ketika sesi PdP bersemuka dijalankan. Oleh itu, IPT perlu mematuhi perkara-perkara berikut:
  - i. Memastikan penjarakan sosial dipatuhi di dalam ruang pembelajaran dengan memastikan terdapat ruang kosong (iaitu jarak sekurang-kurangnya satu (1) meter) di antara kerusi, meja dan kedudukan pelajar ketika berada di bilik kuliah atau kelas selaras dengan saiz bilik;
  - ii. Meminimumkan dan mengawal jumlah pelajar yang berada di dalam ruang pembelajaran pada satu-satu masa dengan membahagikan pelajar kepada kumpulan yang lebih kecil semasa sesi PdP bersemuka selaras dengan saiz bilik;

- iii. Memastikan satu daftar nama pengguna yang menggunakan kemudahan bilik kuliah / makmal / studio / bengkel disediakan;
- iv. Memastikan **tiada aktiviti berkumpul** yang tidak dipantau oleh tenaga pengajar;
- v. Memastikan aspek kebersihan diutamakan di dalam ruang pembelajaran dengan menyediakan pensanitasi tangan kepada pelajar dan kakitangan dan menggalakkan pemakaian pelitup muka;
- vi. Melaksanakan pembersihan dan disinfeksi secara berjadual di dalam ruang pembelajaran dan ruang guna sama sebelum dan selepas sesi PdP; dan
- vii. Memastikan disinfeksi dilaksanakan terhadap bahan atau peralatan makmal yang diterima dari pembekal.

### **Pergerakan di dalam Kampus dan Penggunaan Ruang Guna Sama**

6. Pergerakan pelajar dan penggunaan ruang guna sama di dalam kampus perlu diberi perhatian oleh IPT. Semua IPT perlu memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi:
  - i. Menghadkan penggunaan ruang guna sama seperti perpustakaan, bilik perbincangan dan bilik tutorial;
  - ii. Memastikan pembersihan dan disinfeksi dilakukan terhadap ruang guna sama secara berjadual;
  - iii. Menghadkan pergerakan di dalam kampus kecuali untuk ke lokasi PdP; dan
  - iv. Aktiviti berkaitan PdP yang memerlukan kehadiran jumlah pelajar yang ramai seperti aktiviti kebudayaan dan kelas drama adalah **tidak dibenarkan**;

## **PENUTUP**

7. Pihak pengurusan IPT perlu mengguna pakai garis panduan ini dalam usaha mencegah penularan wabak COVID-19. Para pelajar juga perlu memahami langkah dan tindakan yang diambil serta memberi kerjasama yang sepenuhnya.



**KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI**

**JPT** | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

**POLITEKNIK**  
MALAYSIA

**KOLEJ KOMUNITI**  
MALAYSIA

**PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP) SEMASA DAN PASCA  
PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) WABAK COVID-19**

**TAJUK:**

**PENGURUSAN KEMASUKAN PELAJAR SEDIA ADA DAN  
BAHARU KE KAMPUS**

## **PENGENALAN**

1. Pada 16 Mei 2020, KPT telah membentangkan kertas cadangan Pengendalian Aktiviti Akademik di Kampus Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) Semasa dan Pasca PKP di Mesyuarat Khas Menteri-menteri Mengenai Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan MKN. Cadangan tersebut telah dipersetujui oleh pihak Kerajaan bagi kategori pelajar tertentu untuk berada di kampus.

## **OBJEKTIF**

2. SOP ini bertujuan untuk menerangkan dengan lebih jelas berkenaan langkah-langkah keselamatan dan pencegahan yang perlu diambil oleh IPT susulan penularan wabak COVID-19 untuk urusan kemasukan pelajar sedia ada dan baharu ke kampus.

## **KATEGORI PELAJAR YANG DIBERI KEBENARAN**

3. Pada masa ini, kerajaan telah memutuskan hanya kategori pelajar berikut yang dibenarkan hadir/pulang ke kampus:

- i. **Pelajar pasca-siswazah mod penyelidikan yang berkeperluan;**
- ii. **Pelajar semester/tahun akhir bagi pengajian di peringkat sijil, diploma dan ijazah sarjana muda yang memerlukan praktikal dan peralatan khas bagi melengkapkan pengajian untuk bergraduat;**
- iii. **Pelajar semester/tahun akhir yang tidak mempunyai akses yang diperlukan dan persekitaran tidak kondusif;**
- iv. **Pelajar berkeperluan khas (OKU) yang mengikuti program TVET yang hanya boleh dijalankan secara bersemuka kerana masalah pembelajaran; dan**
- v. **Pelajar baharu bagi peringkat sijil, asasi, diploma, dan ijazah sarjana muda bagi sesi akademik 2020/2021.**

4. Berdasarkan kategori pelajar yang telah diluluskan, IPT perlu mengenal pasti pelajar yang layak untuk memasuki kampus. Oleh itu, **surat kebenaran dan SOP Kemasukan Pelajar kepada setiap pelajar tersebut perlu dikeluarkan oleh IPT.** IPT perlu memaklumkan kepada pelajar untuk memohon kebenaran pergerakan merentas negeri di balai polis sebelum memulakan pergerakan.

## **PROSEDUR KEMASUKAN PELAJAR KE KAMPUS**

### **Sebelum Pergerakan ke Kampus**

5. IPT disarankan mengikut kriteria yang telah ditetapkan dan memastikan urusan kemasukan pelajar sedia ada dan baharu ke kampus IPT dalam keadaan terkawal selaras dengan arahan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. IPT perlu memastikan perkara berikut dipatuhi:

- i. IPT perlu membuat perancangan yang teliti bagi memastikan urusan pendaftaran kemasukan pelajar baharu dibuat secara berperingkat bagi memastikan jumlah kehadiran adalah terkawal pada satu-satu masa;
- ii. Surat kebenaran dan SOP yang dikemukakan kepada pelajar perlu menyatakan dengan jelas keperluan pelajar untuk melaksanakan norma baharu seperti pemeriksaan suhu badan, penggunaan pensanitasi tangan, pemakaian pelitup muka dan pengamalan penjarakan sosial; dan
- iii. **Pemakluman awal juga perlu dibuat** kepada pelajar untuk menghadkan jumlah waris yang dibenarkan mengiringi pelajar semasa hari pendaftaran.

### **Semasa Pergerakan ke Kampus**

6. IPT perlu memastikan pergerakan pelajar ke kampus hendaklah dilaksanakan **secara berperingkat** bagi mengelakkan pergerakan pelajar secara serentak. Perjalanan pelajar adalah ditanggung dan diurus sendiri oleh pelajar.

7. Bagi pelajar yang bergejala COVID-19, berstatus *Person Under Investigation* (PUI) atau *Person Under Surveillance* (PUS), mereka tidak dibenarkan pulang ke kampus.

### **Setelah Sampai ke Kampus**

8. IPT perlu memastikan kemasukan pelajar ke kampus mematuhi Pengurusan Kehadiran Warga IPT ke kampus sebagaimana yang telah dinyatakan dalam SOP.

### **PENUTUP**

9. Pihak pengurusan IPT perlu mengguna pakai garis panduan ini dalam usaha mencegah penularan wabak COVID-19. Para pelajar juga perlu memahami langkah dan tindakan yang diambil serta memberi kerjasama yang sepenuhnya.